

03/11/2001

Persatuan akui RM200 ganjaran paling besar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemberian imbuhan sebanyak RM200 kepada pesara adalah ganjaran paling besar pernah diterima pesara negara ini.

Presiden Persatuan Pesara Kerajaan, Tan Sri Abdullah Ayub, berkata imbuhan yang diberikan sebelum ini adalah antara RM60 hingga RM100.

Beliau berkata, pemberian imbuhan itu membuktikan kerajaan tidak menafikan hak pesara, dapat digunakan bagi membeli keperluan anak-anak yang masih bersekolah dan persediaan menyambut puasa.

"Ia satu hadiah bermakna untuk pesara dan membuktikan kerajaan prihatin keperluan mereka. Walaupun jumlah itu tidak sampai separuh daripada pencen, ia sedikit sebanyak meringankan beban pesara," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pemberian imbuhan RM200 kepada pesara.

Dr Mahathir berkata, pemberian itu dilakukan selepas pembentangan Belanjawan 2002 bulan lalu dan mengambil kira rungutan kumpulan berkenaan.

Keputusan kerajaan memberikan RM200 kepada pesara itu akan memberi manfaat kepada kira-kira 280,000 pesara. Pembayaran imbuhan berkenaan akan dibuat bulan ini.

Abdullah berkata, pemberian imbuhan itu memang dialu-alukan, terutama dalam keadaan ekonomi tidak menentu kini.

Katanya, persatuan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana mendengar rungutan pesara.

Sebelum ini, katanya, persatuan ada berjumpa dengan perbendaharaan dan meminta imbuhan sama seperti bonus yang diterima oleh kakitangan kerajaan iaitu sebulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000.

(END)